

**Rujukan : UMS/BEN3.2.1/100-1/7/3 JILID 5 (50)**

**Tarikh : 7 Julai 2023**

---

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 1 TAHUN 2023**

---

**PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(KEWANGAN DAN PERAKAUNAN) 2023**

**1. TUJUAN**

- 1.1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Sabah mengenai Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Kewangan dan Perakaunan) 2023.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah Bil. 2/2023 (Kali Ke -112) pada 13 April 2023 telah bersetuju meluluskan cadangan menggantikan Empat Peraturan Kewangan dan Perakaunan UMS kepada Satu Peraturan Baharu yang Dinamakan "Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Kewangan dan Perakaunan) 2023".
- 2.2. Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Kewangan Dan Perakaunan) 2023 ini adalah merupakan dokumen utama yang menerangkan tatacara kewangan dan perakaunan yang perlu dipatuhi oleh semua Pegawai UMS ke arah memantapkan tadbir urus kewangan universiti dan untuk memastikan pengurusan kewangan Universiti berjalan dengan lancar dan terkawal.
- 2.3. Peraturan ini adalah merupakan rujukan dan panduan bagi Pegawai Universiti dalam mengurus tadbir kewangan dan perakaunan agar dapat dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan.

### **3. PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (KEWANGAN DAN PERAKAUNAN) 2023**

3.1. Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Kewangan Dan Perakaunan) 2023 merupakan versi yang disatukan daripada empat Peraturan Kewangan dan Perakaunan UMS yang terdahulu yang telah diluluskan pada tahun 1998, 2010, 2012 dan 2013. Kandungan peraturan ini juga telah dikemaskini selaras dengan perubahan dasar, arahan dan pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.

3.2. Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Kewangan dan Perakaunan) 2023 ini terdiri daripada sebelas (11) skop seperti berikut :

(a) Skop sedia ada dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan

- i. Kuasa Dan Kawalan Kewangan
- ii. Kumpulan Wang
- iii. Belanjawan
- iv. Terimaan Dan Pengurusan Hasil
- v. Perolehan
- vi. Bayaran
- vii. Aset dan stor
- viii. Penyata Kewangan

(b) Skop baharu tambahan

- i. Pelaburan Dan Endowmen
- ii. Akaun Amanah, dan
- iii. Kewangan Pelajar

3.3. Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Kewangan dan Perakaunan) 2023 ini telah dimuatnaik dan boleh diakses daripada laman web rasmi Jabatan Bendahari melalui pautan — [Peraturan Universiti Malaysia Sabah \(Kewangan dan Perakaunan\) 2023.pdf](#)

### **4. HAL-HAL LAIN**

4.1. Pertanyaan lanjut berkaitan surat pekeliling ini, boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Sektor Governan dan Kawalan  
Bahagian Governan, Pemantauan dan Kutipan  
Jabatan Bendahari UMS

**Alamat emel: [governanbendahari@ums.edu.my](mailto:governanbendahari@ums.edu.my)**

## **5. PEMBATALAN DAN PINDAAN**

5.1. Dengan berkuatkuasanya Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Kewangan Dan Perakaunan) 2023 ini, maka Peraturan dan Pekeliling Bendahari seperti berikut adalah dibatalkan:

- i) Peraturan Kewangan dan Perakaunan (Pindaan 1998)
- ii) Pekeliling Bendahari Bilangan 6 Tahun 2011 – Peraturan Kewangan dan Perakaunan UMS (Kuasa, Kawalan Perbelanjaan, Belanjawan dan Perolehan) 2010
- iii) Pekeliling Bendahari Bilangan 2 Tahun 2012 – Peraturan Kewangan dan Perakaunan UMS (Kumpulan Wang, Penguasaan Hasil, Akaun dan Terimaan dan Penyimpanan Wang) 2011
- iv) Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2013 – Peraturan Kewangan dan Perakaunan UMS (Bayaran) 2013

5.2. Walau bagaimanapun, mana-mana pekeling atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah perenggan 5.1 (i) hingga (iv) di atas, adalah masih berkuatkuasa dan disesuaikan dengan peraturan terbaru.

## **6. PEMAKAIAN DAN KUATKUASA**

6.1. Surat pekeling ini dipanjangkan kepada semua Pegawai UMS untuk digunakan bagi memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan di UMS berjalan dengan cekap dan berkesan.

6.2. Peraturan dalam surat pekeling ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan mana-mana Pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam peraturan dan surat pekeling ini, boleh dikenakan surcaj dan/atau tindakan tatatertib.

6.3. Surat pekeling ini adalah berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**BADRUL HISHAM ISMAIL c.a (M)**

Bendahari

s.k

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang
- Ketua Pejabat Audit Dalam
- Ketua-ketua Bahagian, Jabatan Bendahari